

22/11/1999

Rancangan pertanian baru untuk petani

Hassan Omar

ALOR STAR, Ahad - Kerajaan akan melancarkan rancangan pertanian baru bagi meningkatkan taraf hidup petani apabila Barisan Nasional (BN) diberi mandat untuk meneruskan pentadbiran negara pada pilihan raya ke-10 ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pendekatan baru dalam pembangunan industri pertanian negara akan dapat mengimbangkan pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar.

Dr Mahathir berkata, program itu adalah sebahagian usaha kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan rakyat, terutama pesawah yang kebanyakannya berpendapatan rendah.

"BN menetapkan satu rancangan pertanian moden yang boleh meningkatkan pendapatan pesawah. Apabila kita menang, kita akan lancarkan rancangan pertanian yang baru ini," katanya ketika melancarkan Dana Pendidikan Anak Pesawah Cemerlang Bernas di Kompleks Bernas Anak Bukit dekat sini, hari ini.

Turut hadir, Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim; dan Pengarah Urusan Bernas, Mohd Ibrahim Nor.

Dana Pendidikan Anak Pesawah Cemerlang Bernas menyediakan peruntukan permulaan sebanyak RM2.5 juta bagi membiayai pembelajaran penuntut sekolah rendah dan menengah bantuan penuh kerajaan setiap tahun.

Bantuan ditumpukan kepada murid tahun empat hingga tingkatan lima. Murid tahun empat, lima dan enam menerima bantuan RM450 setahun manakala pelajar tingkatan satu hingga tiga menerima RM600 setahun.

Sebanyak 270 penuntut dipilih setiap tahun berdasarkan keputusan peperiksaan Penilaian Tahap Satu (PTS), Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengingatkan rakyat, khususnya petani supaya sentiasa bersyukur dan berterima kasih kepada BN yang mempamerkan rekod perkhidmatan cemerlang selama 42 tahun mentadbir negara.

Perdana Menteri berkata, penyokong Pas menggunakan kemudahan infrastruktur yang disediakan BN, tetapi tidak pernah bersyukur dan sering mencerca kerajaan kerana terlalu taksud dengan pemimpin mereka.

Beliau berharap pesawah tidak terpedaya dengan dakyah pembangkang yang hanya menabur fitnah dan mengkritik usaha kerajaan membela nasib mereka.

"Mereka tidak ada usaha pun untuk membela nasib pesawah dan petani," katanya.

Pembangkang, kata Dr Mahathir, hanya menghasut petani dan pesawah supaya tidak bersyukur dengan perubahan hidup yang dinikmati mereka sekarang hasil usaha kerajaan BN.

Sambil mengambil contoh kemampuan petani mengusahakan penanaman padi dua kali setahun melalui Rancangan Pengairan Muda yang dikendalikan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Dr Mahathir berkata, ketika projek itu hendak dilaksanakan sekitar 1970-an, Pas menyebarkan dakyah kononnya ia tidak seharusnya dilaksanakan.

Menurutnya, Pas menghasut penyokongnya supaya menentang program berkenaan kerana kononnya pengairan melalui sistem tali air dari Tasik Pedu dan Tasik Muda di Sik, tidak memberi tempoh rehat kepada tanah.

Ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama rakyat di Pendang, petang ini, pula Dr Mahathir berkata, Pas sanggup menerima Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri hanya untuk meraih sokongan.

Menurut Dr Mahathir, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat juga

sanggup berbohong dengan mengatakan Tuhan mencarut dalam al-Quran dan menafikan hak wanita cantik bekerja.

"Pas bunuh muslimat dia. Wahai muslimat Pas, kamu dihina. Pada 29 November nanti kita akan keluar mengundi. Saya minta tuan-tuan dan puan-puan pangkah dacing.

"Itu saja yang boleh kita pangkah. Roti canai dan roket ni, jangan sekali-kali," katanya.

(END)